



*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* : PKPMP.PKP.100-1/8/1(30)

*Tarikh* : **12.** Mei 2017

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

Timbalan Kanan Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Presiden Majlis Peguam

Presiden Persatuan Undang-Undang Sabah

Presiden Persatuan Peguam bela Sarawak

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar  
Seluruh Malaysia

YBhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

### **ARAHAN AMALAN BIL. 1 TAHUN 2017**

### **GARIS PANDUAN, TATACARA DAN TANGGUNGJAWAB PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH BAGI KES KESALAHAN HUKUMAN MATI**

YAA Ketua Hakim Negara mengarahkan bahawa Arahan Amalan ini dibuat untuk memberi panduan kepada Pendaftar mengenai tatacara pelantikan, tanggungjawab dan yuran perkhidmatan Peguam Lantikan Mahkamah bagi kes kesalahan hukuman mati.

## 1. KELAYAKAN SEBAGAI PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

Seseorang Peguam bela dan Peguam cara hendaklah memenuhi kelayakan yang berikut untuk layak dilantik sebagai Peguam Lantikan Mahkamah:

- (a) secara aktif menjalankan amalan sebagai Peguam bela dan Peguam cara bagi tempoh 5 tahun dan ke atas;
- (b) secara aktif mengendalikan kes jenayah bagi tempoh 5 tahun; dan
- (c) dalam tempoh 5 tahun tersebut telah secara sendiri atau membantu Peguam bela dan Peguam cara lain mengendalikan 5 kes yang melibatkan hukuman mati,

sebelum pelantikannya.

## 2. KEMASUKAN DALAM DAFTAR PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

2.1 Setiap Peguam bela dan Peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang:

- (a) mempunyai sijil amalan yang sah bagi tahun tersebut;
- (b) memenuhi kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1; dan
- (c) telah menyatakan hasratnya untuk menjadi Peguam Lantikan Mahkamah,

boleh berbuat demikian dengan melengkapkan **Borang A** dalam Arahan Amalan ini dan mengemukakannya kepada Majlis Peguam atau Jawatankuasa *Bar* Negeri dan Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam-Peguam Sarawak.

Sesalinan **Borang A** tersebut hendaklah diserahkan oleh Peguam bela dan Peguam cara tersebut kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP).

Majlis Peguam atau Jawatankuasa *Bar* Negeri dan Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam-Peguam Sarawak hendaklah menyenaraikan nama Peguam bela dan Peguam cara itu ke dalam Daftar Peguam Lantikan Mahkamah mengikut Negeri.

Majlis Peguam atau Jawatankuasa *Bar* Negeri dan Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam-Peguam Sarawak hendaklah mengemukakan senarai nama Peguam bela dan Peguam cara yang telah dikemas kini setiap tahun kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan,

Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, dan Pendaftar-Pendaftar Mahkamah, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah.

Mahkamah mempunyai kuasa dan budi bicara untuk memilih mana-mana Peguam bela dan Peguam cara sebagai Peguam Lantikan Mahkamah berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh Majlis Peguam atau Jawatankuasa *Bar* Negeri dan Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam-Peguam Sarawak untuk dilantik mewakili Tertuduh dalam kes hukuman mati dengan menggunakan **Borang A1** tanpa perlu menyatakan alasan pemilihan tersebut.

- 2.2 Peguam Lantikan Mahkamah tidak hanya terhad kepada Peguam bela dan Peguam cara yang berdaftar dengan Jawatankuasa Peguam bagi sesuatu Negeri. Walau bagaimanapun, Mahkamah akan memberi keutamaan kepada Peguam bela dan Peguam cara di dalam Negeri di mana kes tersebut dibicarakan.
- 2.3 Budi bicara Mahkamah untuk melantik Peguam Lantikan Mahkamah adalah antara lain tetapi tidak terhad kepada faktor yang berikut:
- (a) Faktor geografi di antara dua negeri. Sebagai contoh, negeri kecil yang berjiran di antara satu sama lain seperti Melaka dengan Johor, dan Perlis dengan Kedah;
  - (b) Negeri kecil yang mana bilangan Peguam Lantikan Mahkamah adalah terhad; dan
  - (c) Mengambil kira jarak perjalanan berdasarkan alamat Peguam Lantikan Mahkamah ke mahkamah serta kos lain yang terlibat.

[Nota: Bagi Sabah dan Sarawak, pemakaian perenggan 2.3 dan 2.4 ini adalah tertakluk kepada *Sabah Advocates Ordinance* dan *Sarawak Advocates Ordinance*]

- 2.4 Pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah boleh dibuat pada mana-mana peringkat prosiding jenayah oleh Pendaftar. Walau bagaimanapun, adalah lebih wajar jika pelantikan tersebut dibuat sebaik sahaja Tertuduh dituduh melakukan kesalahan yang membawa hukuman mati di Mahkamah Tinggi atau Tertuduh telah memfailkan rayuannya terhadap sabitan hukuman mati di Mahkamah Rayuan atau di Mahkamah Persekutuan sebagaimana kes tersebut.

Bagi tujuan mempercepat perbicaraan rayuan kes hukuman mati yang dirayu ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, keutamaan hendaklah diberi kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang mewakili Tertuduh di peringkat mahkamah bicara, namun begitu ini adalah tertakluk kepada persetujuan antara Tertuduh dan Peguam bela dan Peguam cara

tersebut. Perkara persetujuan ini hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Timbalan Kanan Pendaftar Mahkamah Persekutuan oleh Peguam bela dan Peguam cara tersebut.

### **3. PENERIMAAN PELANTIKAN DAN PENARIKAN DIRI**

- 3.1 Apabila Peguam bela dan Peguam cara bersetuju untuk menerima pelantikannya sebagai Peguam Lantikan Mahkamah, beliau hendaklah menyempurnakan pelantikan tersebut setakat mana dia berupaya (*to the best of his ability*).
- 3.2 Peguam bela dan Peguam cara yang telah menerima pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah tidak boleh menarik diri dengan sewenang-wenangnya daripada pelantikan tersebut melainkan jika terdapat permintaan oleh Tertuduh sebelum perbicaraan dimulakan atau dengan kebenaran Mahkamah.
- 3.3 Permohonan penarikan diri hendaklah dibuat di mahkamah terbuka.

### **4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH**

- 4.1 Peguam bela dan Peguam cara yang menerima pelantikan tersebut, hendaklah memastikan bahawa beliau sentiasa bersedia untuk mewakili Tertuduh pada mana-mana peringkat prosiding perbicaraan atau peringkat rayuan sebagaimana kes tersebut.
- 4.2 Tugas dan tanggungjawab Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
  - (a) mengendalikan kes dengan tekun dan efektif pada setiap masa perbicaraan ataupun rayuan terhadap Tertuduh sebagaimana kes tersebut;
  - (b) menjalankan sesi temuramah dengan Tertuduh untuk mendapatkan arahan lengkap sebelum perbicaraan dimulakan dan menyimpan rekod tersebut;
  - (c) mempertimbang sama ada permohonan representasi perlu dibuat kepada Jabatan Peguam Negara dan jika ya, hendaklah membuat permohonan representasi dalam tempoh masa yang munasabah; dan
  - (d) tidak menyerahkan kes tersebut kepada Peguam bela dan Peguam cara lain kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

4.3 Sekiranya Tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan oleh Mahkamah Tinggi tetapi Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan memerintahkan pembelaan dipanggil, maka Peguam Lantikan Mahkamah di mahkamah bicara hendaklah menerima pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah oleh mahkamah untuk meneruskan pembelaan kecuali:

(a) jika Tertuduh ingin melantik Peguam bela dan Peguam cara sendiri; atau

(b) nama Peguam bela dan Peguam cara tersebut tidak lagi berada dalam Daftar Peguam Lantikan Mahkamah.

## 5. YURAN PERKHIDMATAN

5.1 Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah dibayar yuran perkhidmatan apabila kes tersebut selesai mengikut skala yang ditetapkan pada perenggan 9 Arahan Amalan ini atau apa-apa pindaan kepada skala yang dibuat dari semasa ke semasa.

5.2 Tuntutan bagi yuran perkhidmatan hendaklah dibuat melalui surat iringan kepada Mahkamah yang berkenaan dengan melengkapkan **Borang B dan B1** bagi pengesahan.

5.3 Dokumen yang berikut hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan **Borang B** dan **B1**:

(a) Surat Pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah sebagaimana dinyatakan dalam **Borang A1**;

(b) Perintah bermeterai daripada Mahkamah yang berkenaan; dan

(c) Butir-butir tuntutan seperti jumlah hari perbicaraan, perbelanjaan perjalanan dan resit asal bayaran balik perbelanjaan selain daripada caj fotokopi, bayaran telefon, faks, pos, dan perbelanjaan perjalanan.

5.4 Bagi tuntutan bayaran kos sebenar, tuntutan tersebut hendaklah disokong dengan pengemukaan resit yang diperakui sah oleh Peguam Lantikan Mahkamah seperti yang berikut:

“Saya mengesahkan tuntutan ini adalah betul dan benar.”

[Nota: Contoh **Borang B**, **B1** dan **A1** yang dilengkapkan adalah sebagaimana di **Lampiran C**]

5.5 Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah mengemukakan tuntutan yuran perkhidmatan ke Pejabat Pendaftaran Jenayah Mahkamah yang melantik dalam masa **30 hari** selepas keputusan diberi.

- 5.6 Bagi keputusan kes yang diberi dalam bulan Disember, tuntutan yuran perkhidmatan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah yang berkenaan sebelum atau selewat-lewatnya pada **10 Januari** tahun berikutnya.
- 5.7 Bagi tujuan untuk memastikan mana-mana tuntutan yuran perkhidmatan tidak ditolak, maka perenggan 5.3, 5.4 dan 5.5 hendaklah dipatuhi dengan ketat (*strictly complied with*).
- 5.8 Peguam Lantikan Mahkamah dikehendaki menyimpan rekod berkenaan dengan masa yang digunakan ketika perbicaraan di Mahkamah dan menemuduga Tertuduh, diskripsi kertas yang dibuat dan salinan-salinan hujahan serta ikatan otoriti yang telah dikemukakan kepada Mahkamah.
- 5.9 Pendaftar yang melantik Peguam Lantikan Mahkamah boleh memohon untuk mendapatkan penjelasan yang spesifik atau pun meminta dokumen yang diperlukan oleh Jabatan Akauntan Negara sebelum tuntutan boleh diluluskan.
- 5.10 Jika Peguam Lantikan Mahkamah yang mewakili Tertuduh yang dituduh lebih daripada satu kes dan kes-kes tersebut didengar secara bersama, maka tuntutan bagi *getting up* hanya dibayar bagi satu kes sahaja. Perbelanjaan *out of pocket* lain adalah dibayar secara berasingan.
- 5.11 Bagi kes yang mana Tertuduh mengaku salah kepada pertuduhan yang dikurangkan (*reduced charge*), pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah adalah berterusan bagi tujuan untuk mewakili Tertuduh dalam prosiding pengakuan salah tersebut. Walau bagaimanapun, jika mana-mana Tertuduh menuntut untuk dibicarakan terhadap pertuduhan yang telah dikurangkan, maka pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah tidak akan diteruskan.

## **6. NOTA KETERANGAN ATAU NOTA PROSIDING**

Nota Keterangan atau Nota Prosiding yang dimohon oleh Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah dibekalkan oleh Mahkamah tanpa pengenaan caj atau kos.

## **7. PENYEDIAAN, PENYELENGGARAAN, PENYIMPANAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH**

- 7.1 Majlis Peguam atau Jawatankuasa *Bar* Negeri dan Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam-Peguam Sarawak hendaklah menyediakan, menyelenggara, menyimpan dan mengemas kini Senarai Daftar Peguam Lantikan Mahkamah sebagaimana dirujuk dalam Arahan Amalan ini.

- 7.2 Majlis Peguam atau Jawatankuasa *Bar* Negeri dan Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam-Peguam Sarawak boleh mengeluarkan nama mana-mana Peguam bela dan Peguam cara yang didaftar dalam Senarai Daftar Peguam Lantikan Mahkamah jika ianya adalah wajar untuk berbuat sedemikian dan hendaklah menyediakan dan menyerahkan senarai nama Peguam bela dan Peguam cara yang telah dikemaskinikan secara berkala kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Pendaftar bagi urusan pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah.
- 7.3 Pejabat Pendaftaran Jenayah Mahkamah hendaklah menyelenggara dan menyimpan Buku Daftar Peguam Lantikan Mahkamah secara manual atau elektronik.

## 8. HAL-HAL LAIN

- 8.1 Mahkamah, Majlis Peguam Malaysia, Jawatankuasa *Bar* Negeri dan Sarawak, Persatuan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam-Peguam Sarawak boleh (jika perlu), meminta Peguam bela dan Peguam cara untuk mengemukakan apa-apa maklumat bahawa Peguam bela dan Peguam cara tersebut adalah layak untuk didaftarkan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah menurut Arahan Amalan ini.
- 8.2 Jika terdapat mana-mana keadaan yang tidak diperuntukkan oleh Arahan Amalan ini, Peguam bela dan Peguam cara yang berkenaan hendaklah melaksanakan tanggungjawabnya demi kepentingan Tertuduh dengan mengambil kira tanggungjawab utamanya sebagai pegawai Mahkamah (*officer of the Court*) untuk membantu mahkamah dalam mentadbirkan keadilan.

## 9. SKALA BAYARAN YURAN PERKHIDMATAN

- 9.1 Skala bayaran yuran perkhidmatan Peguam Lantikan Mahkamah di **Mahkamah Tinggi** adalah seperti yang berikut:

MAHKAMAH TINGGI		
BIL	BUTIRAN	KADAR
(1)	Termasuk bayaran untuk getting up menemuramah tertuduh dan hadir perbincaraan hari pertama	RM6,000.00
(2)	Perbincaraan dan pada hari-hari berikutnya	RM50.00 sejam dan sebahagian daripadanya
(3)	Perjalanan menggunakan kereta sendiri	RM0.70 sekilometer
(4)	Bayaran atas kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya

	sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 pagi dan 5.00 petang bagi mana-mana hari untuk menghadiri perbicaraan termasuk Hari Kelepasan Am	
(5)	Bayaran tambang teksi	Kos Sebenarnya
(6)	Bayaran tambang kapal terbang	Kelas Ekonomi
(7)	Bayaran Sewa Hotel	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari
(8)	Caj fotokopi, telefon, faks, pos atau kurier	RM100.00
(9)	Bayaran balik perbelanjaan ( <i>disbursements</i> )	Kos Sebenar

9.2 Skala bayaran yuran perkhidmatan Peguam Lantikan Mahkamah di **Mahkamah Rayuan** adalah seperti yang berikut:

<b>MAHKAMAH RAYUAN</b>		
<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>KADAR</b>
(1)	Termasuk bayaran untuk getting up menemuramah tertuduh dan hadir perbicaraan hari pertama	RM3,000.00
(2)	Perbicaraan dan pada hari-hari berikutnya	RM50.00 sejam dan sebahagian daripadanya
(3)	Perjalanan menggunakan kereta sendiri	RM0.70 sekilometer
(4)	Bayaran atas kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 pagi dan 5.00 petang bagi mana-mana hari untuk menghadiri perbicaraan termasuk Hari Kelepasan Am	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(5)	Bayaran tambang teksi	Kos Sebenarnya
(6)	Bayaran tambang kapal terbang	Kelas Ekonomi
(7)	Bayaran Sewa Hotel	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari
(8)	Caj fotokopi, telefon, faks, pos atau kurier	RM100.00
(9)	Bayaran balik perbelanjaan ( <i>disbursements</i> )	Kos Sebenar

9.3 Skala bayaran yuran perkhidmatan Peguam Lantikan Mahkamah di **Mahkamah Persekutuan** adalah seperti yang berikut:

MAHKAMAH PERSEKUTUAN		
BIL	BUTIRAN	KADAR
(1)	Termasuk bayaran untuk getting up menemuramah tertuduh dan hadir perbicaraan hari pertama	RM3,500.00
(2)	Perbicaraan dan pada hari-hari berikutnya	RM50.00 sejam dan sebahagian daripadanya
(3)	Perjalanan menggunakan kereta sendiri	RM0.70 sekilometer
(4)	Bayaran atas kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 pagi dan 5.00 petang bagi mana-mana hari untuk menghadiri perbicaraan termasuk Hari Kelepasan Am	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(5)	Bayaran tambang teksi	Kos Sebenarnya
(6)	Bayaran tambang kapal terbang	Kelas Ekonomi
(7)	Bayaran Sewa Hotel	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari
(8)	Caj fotokopi, telefon, faks, pos atau kurier	RM100.00
(9)	Bayaran balik perbelanjaan ( <i>disbursements</i> )	Kos Sebenar

## 10. TATACARA BAYARAN KEPADA PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

### 10.1 Mahkamah Tinggi

Bayaran kepada Peguam Lantikan Mahkamah di Mahkamah Tinggi hendaklah dibayar seperti yang berikut:

(a) Bayaran penuh berjumlah RM6,000.00 hanya dibayar dalam keadaan di mana Peguam Lantikan Mahkamah mengendalikan kes:

- (i) sehingga akhir kes pendakwaan apabila Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan; atau
- (ii) sehingga akhir kes pembelaan apabila Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan atau disabitkan;
- (iii) bagi kes Tertuduh mengaku salah terhadap pertuduhan alternatif atau pertuduhan yang telah dikurangkan (*reduced charge*);
- (iv) bagi kes yang dikembalikan (*remission*) oleh Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rendah

- (b) Pembayaran **getting up** secara berperingkat selain daripada keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 10.1(a) (i), (ii) dan (iii) di atas adalah mengikut tiga peringkat sebagaimana jadual di bawah:

<b>Peringkat Pengurusan Kes</b>	<b>Peringkat Akhir Kes Pendakwaan</b>	<b>Peringkat Akhir Kes Pembelaan</b>
RM1,000.00* *Dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang terlibat pada peringkat Pengurusan Kes sahaja.	RM3,000.00* *Dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah baru yang terlibat sehingga peringkat Akhir Kes Pendakwaan. <i>(Nota: Penglibatan Peguam Lantikan Mahkamah baru tersebut hanya dikira jika saksi pertama telah pun memberi keterangannya. Jika saksi pertama belum lagi memberi keterangan, maka Peguam Lantikan Mahkamah baru itu hanya dibayar mengikut kadar Peringkat Pengurusan Kes.)</i>	RM2,000.00* *Dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang hanya terlibat pada peringkat Akhir Kes Pembelaan sahaja. <i>(Nota: Jika terdapat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah melepaskan dan membebaskan Tertuduh pada peringkat Kes Pendakwaan, dan Mahkamah Rayuan telah memerintahkan Tertuduh membela diri, bayaran getting up kepada Peguam Lantikan Mahkamah adalah sebagaimana pada peringkat Akhir Kes Pembelaan.)</i>

*(Nota: Bayaran getting up tersebut adalah termasuk pada perenggan 9.1 (3) hingga (7) dan (9) dari hari pertama pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah sehingga ke hari pertama perbicaraan)*

## **10.2 Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan**

- (1) Bayaran pada perenggan **9.2 (3) hingga (7) dan (9)** bagi Mahkamah Rayuan dan pada perenggan **9.3 (3) hingga (7) dan (9)** bagi Mahkamah Persekutuan boleh dituntut sehari sebelum tarikh perbicaraan dan pada hari-hari yang berikutnya tanpa mengira tempoh hari perbicaraan.
- (2) Tuntutan bagi perenggan **9.2 (3) hingga (7) dan (9)** dan perenggan **9.3 (3) hingga (7) dan (9)** hanya boleh dibuat oleh Peguam Lantikan Mahkamah yang telah dipanggil bertugas di luar tempat di mana dia menjalankan amalannya.
- (3) Tuntutan perjalanan bagi perenggan **9.2 (3) dan (4)** dan perenggan **9.3 (3) dan (4)** boleh dibuat oleh Peguam Lantikan Mahkamah yang telah dipanggil bertugas dari Negeri yang sama.

(4) Jumlah bayaran **getting up** tersebut adalah tertakluk kepada hal keadaan iaitu:

(a) Bayaran penuh dibuat dalam keadaan Petisyen Rayuan difailkan dan diserahkan:

- (i) Peguam Lantikan Mahkamah mengendalikan perbicaraan sehingga selesai;
- (ii) Peguam Lantikan Mahkamah diarahkan untuk menarik diri pada mana-mana peringkat rayuan di mahkamah terbuka kerana Tertuduh ingin melantik peguamnya sendiri. Walau bagaimanapun, Peguam Lantikan Mahkamah tersebut hendaklah menerima semula pelantikannya sebagai Peguam Lantikan Mahkamah bagi tujuan menyelesaikan kes tersebut sekiranya peguam Tertuduh kemudiannya menarik diri; atau
- (iii) Pada mana-mana peringkat rayuan berlaku pertukaran Peguam Lantikan Mahkamah maka Peguam Lantikan Mahkamah yang lain atau baru akan menerima bayaran penuh bagi peringkat tersebut. Dengan syarat mana-mana pertukaran peguam dibenarkan di Mahkamah Terbuka.

(b) Bayaran separuh dibuat dalam keadaan Petisyen Rayuan difailkan dan diserahkan dan Peguam Lantikan Mahkamah itu:

- (i) diarahkan untuk menarik diri kerana Tertuduh memohon kepada Mahkamah untuk melantik Peguam Lantikan Mahkamah lain atau baru; atau
- (ii) memohon untuk menarik diri di Mahkamah Terbuka atas alasan yang munasabah dan dibenarkan oleh Mahkamah.

(c) Tiada bayaran boleh dibuat dalam keadaan di mana Peguam Lantikan Mahkamah:

- (i) memohon untuk menarik diri dengan hanya menulis surat;
- (ii) tanpa alasan penarikan diri yang munasabah; dan
- (iii) diarahkan untuk menarik diri oleh Mahkamah.

## 11. PERTUKARAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

11.1 Peguam Lantikan Mahkamah yang telah menerima pelantikannya tidak boleh menarik diri melainkan jika terdapat permintaan oleh Tertuduh sebelum perbicaraan dimulakan dan dibuat dengan kebenaran mahkamah di Mahkamah terbuka.

11.2 Jika berlaku pertukaran Peguam Lantikan Mahkamah pada mana-mana peringkat di Mahkamah Tinggi maka kedua-dua Peguam Lantikan Mahkamah akan menerima bayaran penuh bagi peringkat tersebut seperti di perenggan 10.1(b).

## 12. BAYARAN KEPADA SAKSI YANG DIPANGGIL OLEH PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

Pada peringkat kes pembelaan, sekiranya Peguam Lantikan Mahkamah memanggil saksi, maka bayaran perbelanjaan kepada saksi tersebut kenyataan tuntutan dikemukakan dan dengan syarat resit atau dokumen sokongan dikemukakan dan kepada budi bicara Mahkamah.

## 13. PEMBATALAN

13.1 Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, Arahan Amalan Bil. 5 Tahun 2013 bertarikh 11 Jun 2013 dan Arahan Amalan Bil. 1 Tahun 2016 bertarikh 10 Februari 2016 adalah dengan ini terbatal.

13.2 Namun demikian, bagi maksud kadar bayaran bagi Peguam Lantikan Mahkamah yang dibuat sebelum berkuatkuasanya Arahan ini, Arahan Amalan pada masa lantikan Peguam Lantikan Mahkamah dibuat adalah terpakai.


## 14. TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah

  
**(DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

**s.k:**

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

YBhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara  
No.45, Persiaran Perdana  
Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Pengarah Mahkamah Negeri  
**SELURUH MALAYSIA**

Ketua Bahagian Pendakwaan  
Jabatan Peguam Negara  
No.45 Persiaran Perdana  
Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan  
Jabatan Peguam Negara  
No.45 Persiaran Perdana  
Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Pengurusan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Pengarah  
Pejabat Ketua Hakim Negara dan Penyelidikan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Dasar dan Perundangan  
Pejabat Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Teknologi Maklumat dan e-Kehakiman  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Pengantara (Mediasi) dan Pelaksanaan Kehakiman PKPMP  
Mahkamah Kuala Lumpur  
Kompleks Mahkamah Jalan Duta  
**50592 KUALA LUMPUR**

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Editorial Director  
Malaysia Current Law Journal  
CLJ Legal Network Sdn Bhd  
Ampang  
**SELANGOR**

Majlis Peguam Malaysia  
No.13.15 & 17, Leboh Pasar Besar  
Peti Surat 12478  
**50780 KUALA LUMPUR**

Tel: 03-2031 3003  
Fax: 03-2034 2825 / 2026 1313 / 20725818

Tuan/Puan,

**PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH BAGI KES YANG MELIBATKAN HUKUMAN MATI**

Saya dengan ini bersetuju untuk meletakkan nama saya dalam senarai Peguam Lantikan Mahkamah yang akan dikemukakan kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan dan Pendaftar Mahkamah Tinggi mengikut keadaan kes tersebut. Saya akan memastikan bagi setiap tahun saya akan mengendalikan paling kurang satu kes seperti yang telah ditetapkan oleh mahkamah.

2. Sebagai syarat kepada pelantikan, saya mengakui bahawa saya telah-
- (i) Secara aktif menjalankan amalan sebagai Peguam bela dan Peguam cara bagi tempoh 5 tahun dan ke atas sebelum pelantikan saya ini;
  - (ii) Secara aktif mengendalikan kes jenayah bagi tempoh 5 tahun sebelum pelantikan saya ini; dan
  - (iii) Dalam tempoh 5 tahun tersebut telah secara sendiri atau pun membantu Peguam bela dan Peguam cara lain untuk mengendalikan 5 kes yang melibatkan hukuman mati.

Tertakluk kepada perenggan 2 (i) (ii) dan (iii), saya berpengalaman sebagai Pegawai Kehakiman dan Perundangan dan saya boleh diterima sebagai syarat kelayakan.

3. Butiran saya adalah seperti yang berikut:

- (i) Nama : .....
- (ii) Jantina : .....
- (iii) Firma Guaman : .....
- (iv) Alamat Firma Guaman : .....
- (v) No. Telefon Pejabat : .....
- (vi) No. Telefon Bimbit : .....

- (vii) E-mel & No. Faks : .....
- (viii) Tarikh Penerimaan Masuk : .....
- (ix) Bahasa/Dialek Pertuturan : .....
- (x) Tempoh masa beramal sebagai peguam bela :  
.....

4. Saya pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kehakiman, Timbalan Pendakwa Raya atau Peguam Persekutuan/Peguam Kanan Persekutuan\* (\*Potong yang tidak berkaitan).

5. Sila tanda (√) yang berikut:

Pilihan peringkat mahkamah:

- Perbicaraan (Mahkamah Tinggi)
- Rayuan (Mahkamah Rayuan)
- Rayuan(Mahkamah Persekutuan)

Pilihan kes:

- Keselamatan Dalam Negeri
- Dadah
- Bunuh
- Penculikan
- Senjata api

Bidang kuasa:

- Sanggup untuk hadir
- Dalam lingkungan negeri atau Bandar yang sama dimana saya beramal
- Sanggup untuk bekerja di luar kawasan (Negeri lain)

Tarikh

Tandatangan

**SEGERA / SERAHANTANGAN / SERAHAN SECARA FAKS NO.:**

Ruj.Kami:

Tarikh :

Tetuan  
(*Nama dan alamat Peguam yang dilantik*)

Tuan,

**MAHKAMAH TINGGI / RAYUAN / PERSEKUTUAN  
PERBICARAAN JENAYAH / RAYUAN JENAYAH NO:**

**PENDAKWA RAYA**

**Dan**

**(NAMA TERTUDUH)**

**Pertuduhan: Seksyen ( )**

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mahkamah dengan ini melantik Encik ..... daripada Tetuan ..... dilantik sebagai Peguam Lantikan Mahkamah bagi Tertuduh di atas berkuat kuasa pada tarikh surat ini.

3. Untuk makluman tuan, Tertuduh kini berada di Penjara .....

4. SILA PASTIKAN tuntutan bayaran/bil kos Peguam Lantikan Mahkamah adalah menurut Arahan Amalan No ..... Tahun ..... dan hendaklah dihantar berdasarkan format **Borang B** dan **Borang B1** berserta dokumen sokongan sepertimana senarai semak dalam Borang B. **Borang B** dan **Borang B1** yang lengkap berserta tandatangan tuan hendaklah dihantar ke pejabat ini selewat-lewatnya dalam masa sebulan selepas perbicaraan diselesaikan.

5. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan **Borang B** dan **Borang B1**. Tuan hendaklah melengkapkan **Borang B** dan **Borang B1** dan diserahkan kepada pejabat ini ketika menuntut bayaran.

6. Kes Perbicaraan / Rayuan Jenayah di atas telah ditetapkan untuk Perbicaraan pada ..... (*tarikh dan hari*) jam ..... pagi / petang di Mahkamah Tinggi

/ Rayuan / Persekutuan ..... (Nama dan No. Mahkamah).

7. Pihak kami berharap dengan pelantikan ini, tuan dapat memberikan khidmat dan komitmen dengan penuh profesional.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(  
Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi( ) )

**s.k.:**

1. Timbalan Pendakwa Raya **Faks: 03-8890 5637/Pos**  
Jabatan Peguam Negara  
Bahagian Perbicaraan dan Rayuan /  
Bahagian Pendakwaan  
No.45, Aras 5, Lot 4G7  
Presint 4  
Persiaran Perdana  
**62502 PUTRAJAYA**

2. Encik/Puan .....(nama Tertuduh) **Faks: 03-xxxxxxx/Pos**

( / No. Tertuduh)  
d/a Pegawai Yang Menjaga  
Penjara Kajang  
43000 Kajang  
**SELANGOR**

**DARUL**

**EHSAN**

**BORANG B****SENARAI SEMAK KENYATAAN TUNTUTAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH  
OLEH MAHKAMAH .....****BAGI KES:** .....**NO. RUJUKAN SURAT PELANTIKAN :** .....**Senarai Semak dokumen :**

<b>BIL</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>*Tindakan Peguam</b>	<b>*Tindakan Mahkamah</b>
1	Kenyataan Tuntutan		
2	Salinan Surat Pelantikan		
3	Salinan Surat Panggilan Perbicaraan		
4	Salinan Perintah Mahkamah		
5	Resit Pembelian Tiket Penerbangan Asal		
6	Resit Hotel Asal		
7	Resit Tambang Teksi Asal		
8	Resit Tol Asal		
9	Resit Asal Disbursement bagi pelantikan sebelum 1.4.2010		
10	Salinan Kad 'Touch & Go'		
11	Salinan Muka Pertama Penyata Akaun Bank		
12	Tandatangan Kenyataan Tuntutan		
13	Salinan dokumen telah ditandakan		
14	Pengesahan Kenyataan Tuntutan		
15	Borang pengesahan bayaran "getting up"		
16			
<b>TINDAKAN FIRMA PEGUAM</b>		<b>TINDAKAN MAHKAMAH</b>	
Tandatangan Peguam:		Tandatangan:	
Nama Peguam:		Nama :	

Cop Nama dan Alamat Firma:	Jawatan:
Tarikh:	Tarikh:
E-mel:	No. Telefon:
No. Telefon:	
No. Faks:	

**Nota 1:** Sila tandakan [√] bagi setiap dokumen yang dikemukakan/tindakan yang telah diambil. Dokumen sokongan disusun

mengikut turutan di atas.

**Nota 2:** Sila pastikan Kenyataan Tuntutan dan semua dokumen salinan untuk pengesahan oleh Mahkamah ditandakan sebelum dikemukakan bagi tujuan pembayaran.

**Nota 3:** Bagi Butir no. 15 : Borang Pengesahan Bayaran *Getting up* hendaklah dilengkapkan oleh Mahkamah yang melantik dan dikemukakan bersama dengan tuntutan Peguam Lantikan Mahkamah bagi setiap kes.

### KENYATAAN TUNTUTAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

Nama Firma (Huruf Besar):					
Alamat :					
Alamat e-mel: No. Telefon Bimbit : No. Telefon Pejabat: No. Faksimili :					
<u>Butiran Akaun Bank</u> No. Akaun : Nama Bank : Alamat :					
TARIKH	WAKTU		TUJUAN/TUGAS	KADAR (RM)	AMAUN (RM)
	BERTOLAK	SAMPAI			
			<b>JUMLAH BAWA KE HADAPAN</b>		

TARIKH	WAKTU		TUJUAN/TUGAS	KADAR (RM)	AMAUN (RM)
	BERTOLAK	SAMPAI			
			JUMLAH DARI SEBELAH		

**PENGESAHAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH**

Adalah disahkan bahawa Kenyataan Tuntutan Kos Guaman adalah berjumlah  
RM..... (Ringgit Malaysia .....  
..... Sahaja)

.....  
(Tandatangan Peguam Lantikan Mahkamah)

Nama:

Cop Firma:

Tarikh:

**PENGESAHAN OLEH MAHKAMAH YANG MELANTIK**

Kenyataan Tuntutan Kos Guaman telah disemak dan disahkan benar.

.....  
(Tandatangan)

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

**BORANG INI HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN  
BORANG TUNTUTAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH BAGI SETIAP KES**

**BORANG PENGESAHAN BAYARAN *GETTING UP* BAGI PEGUAM LANTIKAN  
MAHKAMAH**

MAHKAMAH	BAYARAN <i>GETTING UP</i>	TANDAKAN (✓)
TINGGI	RM6,000	
RAYUAN	RM3,000	
PERSEKUTUAN	RM3,500	

**NOMBOR KES:** \_\_\_\_\_

AMAUN YANG LAYAK DIBAYAR BAGI TUNTUTAN INI:		
NAMA PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH	PERINGKAT BAYARAN	BAYARAN <i>GETTING UP</i> (RM)
1.		
2.		
3.		
<b>JUMLAH:</b>		
<b>Tandatangan:</b> <b>Nama:</b> <b>Jawatan:</b> <b>Tarikh:</b>	Ditandatangani oleh Pegawai yang mengesahkan tuntutan Peguam Lantikan Mahkamah	

<b>CONTOH BORANG B YANG TELAH DILENGKAPKAN</b>
--

<b>BORANG B</b>
-----------------

**TUNTUTAN PEGUAM LANTIKAN  
MAHKAMAH OLEH MAHKAMAH  
RAYUAN**

**BAGI KES:** DARIPADA MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
PERBICARAAN

JENAYAH BIL. NO 45-50 TAHUN 2008

TAN AH CHONG ..... PIHAK PERAYU  
LAWAN

PENDAKWARAYA ..... PIHAK RESPONDEN

**RUJUKAN SURAT PELANTIKAN:** (23) dlm MRRJ No. W-05-42-05 bertarikh 7 Disember 2010

**Senarai Semak dokumen :**

BIL	BUTIRAN	*Tindakan Peguam	*Tindakan Mahkamah
1	Kenyataan Tuntutan	√	√
2	Salinan Surat Pelantikan	√	√
3	Salinan Surat Panggilan Perbicaraan	√	√
4	Salinan Perintah Mahkamah	√	√
5	Resit Pembelian Tiket Penerbangan Asal	√	√
6	Resit Hotel Asal	√	√
7	Resit Tambang Teksi Asal	√	√
8	Resit Tol Asal	√	√
9	Resit Asal Disbursement bagi pelantikan sebelum 1.4.2010	√	√
10	Salinan Kad 'Touch & Go'	√	√
11	Salinan Muka Pertama Penyata Akaun Bank	√	√
12	Tandatangan Kenyataan Tuntutan	√	√
13	Salinan dokumen yang telah ditandakan	√	√
14	Pengesahan Kenyataan Tuntutan		√
15	Borang Pengesahan bayaran "getting up"		√

TINDAKAN FIRMA GUAMAN	TINDAKAN MAHKAMAH
<p>Tandatangan Peguam: <i>Ali</i></p> <p>Nama Peguam: Ali bin Aman</p> <p>Cop Nama dan Alamat Firma:</p> <p>TETUAN ABC, PEGUAMBELA &amp; PEGUAMCARA Suite 208A, Tingkat 11, City Plaza No. 21, Jalan Tebrau 80300, Johor Bahru</p> <p>Tarikh: 4.9.2012</p> <p>E-mel: <a href="mailto:aliaman@abc.com.my">aliaman@abc.com.my</a></p> <p>No. Telefon: 07-3328899</p> <p>No. Faks: 07-332779</p>	<p>Tandatangan:</p> <p>Nama: Nur Aslamiah Jamil</p> <p>Jawatan: Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia</p> <p>Tarikh: 6.9.2012</p> <p>No. Telefon: 03- 88804182</p>

**Nota 1:** Sila tandakan [√] bagi setiap dokumen yang dikemukakan/tindakan yang telah diambil. Dokumen sokongan disusun mengikut turutan di atas.

**Nota 2:** Sila pastikan Kenyataan Tuntutan dan semua dokumen salinan untuk pengesahan oleh Mahkamah ditandakan sebelum dikemukakan bagi tujuan pembayaran.

**Nota 3:** Bagi Butir no. 15 : Borang Pengesahan Bayaran Getting up hendaklah dilengkapkan oleh Mahkamah yang melantik dan dikemukakan bersama dengan tuntutan Peguam Lantikan Mahkamah bagi setiap kes.

## KENYATAAN TUNTUTAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

Nama Firma (Huruf Besar):	TETUAN ABC, PEGUAM BELA & PEGUAM CARA				
Alamat :	Suite 208A, Tingkat 11, City Plaza No.21, Jalan Tebrau 80300, Johor Bahru				
Alamat e-mel: No. Telefon Bimbit: No. Telefon: Pejabat: No. Faksimili:	<a href="mailto:aliaman@abc.com.my">aliaman@abc.com.my</a> 012-2882828 07-3328899 07-3327799				
<u>Butiran Akaun Bank</u> No. Akaun: Nama Bank: Alamat:	1123456 Bank XYZ Berhad No.2, JalanTebrau 80300, Johor Bahru				
<b>TARIKH</b>	<b>WAKTU</b>		<b>TUJUAN/TUGAS</b>	<b>KADAR (RM)</b>	<b>AMAUN (RM)</b>
	<b>BERTOLAK</b>	<b>SAMPAI</b>			
14.12.11			Kos menerima dan mengendalikan kes Mahkamah Rayuan termasuk getting-up, menemuramah tahanan dan hadir perbincaraan hari Pertama pada 5.1.2012 iam 9.00 pagi  Caj fotokopi, telefon, faks	<i>Lump Sum</i>	3,000.00
				<i>Lump Sum</i>	100.00

TARIKH	WAKTU		TUJUAN/TUGAS	KADAR (RM)	AMAUN (RM)
	BERTOLAK	SAMPAI			
			<b>Jumlah Dari Sebelah</b>		<b>3,100.00</b>
23.03.12	5.00 ptg	9.00 mlm	Menghadiri Mahkamah Untuk perbicaraan kes pada 24.03.2012 jam 9.00pagi  Bertolak dari Johor Bahru ke Palm Garden Hotel, Putrajaya – Elaun Perjalanan – Bayaran Tol – Bayaran Sewa Hotel	503 km x RM0.70	352.10 30.70 224.25
24.03.12	9.00 pg	11.30 pg	Menghadiri Perbicaraan kes Di Mahkamah Rayuan, Putrajaya	3 jam x RM50.00	150.00
25.03.12	12.30 tgh	4.30 ptg	Bertolak dari Putrajaya ke Johor Bahru – Elaun Perjalanan – Bayaran Tol – Bayaran kehilangan masa dalam perjalanan	503 km x RM0.70  4 jam x RM25.00	352.10 38.00 100.00
03.08.12	3.30 ptg	7.30 mlm	<b>Menghadiri Mahkamah untuk perbicaraan kes pada 4.8.2012 jam 9.00 pagi</b>  Bertolak dari Johor Bahru ke Palm Garden Hotel, Putrajaya - Elaun Perjalanan - Bayaran Tol	503 km x RM0.70	352.10 38.00

			- Bayaran kehilangan masa dalam perjalanan - Bayaran Sewa Hotel	2 jam x RM25.00	50.00 224.25
04.08.12	9.00 pg	12.00 tgh	Menghadiri Perbicaraan kes di Mahkamah Rayuan, Putrajaya	3 jam x RM 50.00	150.00
	12.30 tgh	5.00 ptg	Bertolak dari Putrajaya ke Johor Bahru - Elaun Perjalanan - Bayaran Tol - Bayaran kehilangan masa dalam perjalanan	503 km x RM0.70  5 jam x RM25.00	352.10 38.00 125.00
					<b>5,676.60</b>

**PENGESAHAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH**

Adalah disahkan bahawa Kenyataan Tuntutan Kos Guaman adalah berjumlah **RM5,676.60** (Ringgit Malaysia : **Lima Ribu Enam Ratus Tujuh Puluh Enam dan Sen Enam Puluh Sahaja**)

*Ali*

.....  
(Tandatangan Peguam Lantikan Mahkamah)

Nama: Ali bin Aman

Cop Firma:

Tarikh: 4.9.2012

**PENGESAHAN OLEH MAHKAMAH YANG MELANTIK**

Kenyataan Tuntutan Kos Guaman telah disemak dan disahkan benar.

.....  
(Tandatangan)

Nama: Nur Aslamiah Jamil

Jawatan: Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia

Tarikh: 6.9.2012

**CONTOH BORANG B1 YANG TELAH DILENGKAPKAN**

**BORANG B1**

**BORANG INI HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN  
BORANG TUNTUTAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH BAGI SETIAP KES**

**BORANG PENGESAHAN BAYARAN *GETTING UP* BAGI  
PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH**

<b>MAHKAMAH</b>	<b>BAYARAN <i>GETTING UP</i></b>	<b>TANDAKAN (✓)</b>
<b>TINGGI</b>		
<b>RAYUAN</b>		✓
<b>PERSEKUTUAN</b>		

**NOMBOR KES:** \_\_\_\_\_

**AMAUN YANG LAYAK DIBAYAR BAGI TUNTUTAN INI:**

<b>NAMA PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH</b>	<b>PERINGKAT BAYARAN</b>	<b>BAYARAN <i>GETTING UP</i> (RM)</b>
<b>1. TETUAN ABC PEGUAM BELA &amp; PEGUAM CARA</b>	<b>PENUH</b>	<b>3,000.00</b>
<b>2.</b>		
<b>3.</b>		
<b>JUMLAH :</b>		<b>3,000.00</b>
Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: No. Telefon:	Ditandatangani oleh Pegawai yang mengesahkan tuntutan Peguam Lantikan Mahkamah  <b>Nur Aslamiah Jamil</b> <b>Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Rayuan Malaysia</b> <b>6.9.2012</b> <b>03-88804182</b>	

**CONTOH BORANG A1 YANG TELAH DILENGKAPKAN**

**BORANG A1**

**SEGERA/SERAHANTANGAN /  
SERAHAN SECARA FAKS NO.:**

Ruj.Kami: (23) dlm MRRJ No. W-05-42-05

Tarikh: 7 Disember 2010

Encik Ali bin Aman  
TETUAN ABC, PEGUAMBELA & PEGUAMCARA  
Suite 208A, Tingkat 11, City Plaza  
No. 21, Jalan Tebrau  
80300, Johor Bahru

Tuan,

**MAHKAMAH TINGGI/RAYUAN/PERSEKUTUAN  
PERBICARAAN JENAYAH/RAYUAN JENAYAH NO: NO 45-50 TAHUN 2008**

**PENDAKWA RAYA**

**Dan**

**TAN AH CHONG**

**Pertuduhan: Seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya**

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mahkamah dengan ini melantik Encik Ali bin Aman daripada Tetuan ABC dilantik sebagai Peguam Lantikan Mahkamah bagi Tertuduh di atas berkuat kuasa pada tarikh Surat ini.

3. Untuk makluman tuan, Tertuduh kini berada di Penjara Kajang.

4. SILA PASTIKAN tuntutan bayaran/bil kos Peguam Lantikan Mahkamah adalah menurut Arahan Amalan No Tahun dan hendaklah dihantar berdasarkan format **Borang B** dan **Borang B1** berserta dokumen sokongan sepertimana senarai semak dalam Borang B. **Borang B** dan **Borang B1** yang lengkap berserta tandatangan tuan hendaklah dihantar ke Pejabat ini selewat-lewatnya dalam masa sebulan selepas perbicaraan diselesaikan.

5. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan **Borang B** dan **B1**. Tuan hendaklah melengkapkan **Borang B** dan **Borang B1** dan borang tersebut hendaklah diserahkan kepada Pejabat ini ketika menuntut bayaran.

6. Kes Perbicaraan / Rayuan Jenayah di atas telah ditetapkan untuk **Perbicaraan** pada **24.3.2012, Jumaat jam 9.00 pagi** di Mahkamah Rayuan Bilik Bicara 1.

7. Pihak kami berharap dengan pelantikan ini, tuan/puan dapat memberikan khidmat dan komitmen dengan penuh profesional.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

*Ahmad*

( Ahmad bin Muhammad )  
Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi

s.k.:

1. Timbalan Pendakwa Raya  
Jabatan Peguam Negara  
Bahagian Perbicaraan dan Rayuan /  
Bahagian Pendakwaan  
No.45, Aras 5, Lot 4G7  
Presint 4  
Persiaran Perdana  
**62502 PUTRAJAYA**

**Faks: 03-8890 5637/Pos**

2. Encik Tan Ah Chong  
(123456789)  
d/a Pegawai Yang Menjaga  
Penjara Kajang  
43000 Kajang  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Faks: 03-45768920 /Pos**